

**SEBUTHARGA BIL. 2 / 2015 :
PERKHIDMATAN MENERBITKAN DAN MEMBEKALKAN LAPORAN TAHUNAN
SME CORP. MALAYSIA 2014**

GARIS PANDUAN BAGI MENERBIT DAN MEMBEKAL

Garis panduan ini adalah untuk Pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi menerbit dan membekal "Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014". Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada SME Corp. Malaysia yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) **Menyediakan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*.**
- (ii) **Melaksanakan Kerja-kerja Penulisan Kandungan dalam Dwi-Bahasa - Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, *Copywriting*, Baca Pruf (*Proofreading*) dan Penyuntingan.**
- (iii) **Mencetak dan membekal sebanyak 650 naskah buku "Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014" - termasuk 180 naskah yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) "No. Statut", pelekat (*sticker*) "Lampiran" dan pelekat (*sticker*) "Embargo".**
- (iv) **Membekal 650 salinan "Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014" dalam bentuk *softcopy* yang disimpan di dalam CD-ROM (berserta Bekas Simpanan / Case CD-ROM dan Kertas Kulit Bercetak / *Printed Cover Paper*) - termasuk 350 salinan yang dilabel dengan pelekat (*sticker*) "No. Statut".**

A. SKOP KERJA

I. Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*

1. Penyediaan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan *Typesetting*:

Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan buku "Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014":

- i. Menyediakan lima (5) Konsep Kreatif berserta Rasional Reka Bentuk (berdasarkan Tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia) bagi Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*) yang dapat memaparkan isi kandungan buku tersebut untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah Konsep Kreatif Reka Bentuk Kulit Buku (*Cover Page*) berkemungkinan akan perlu ditambah, tertakluk kepada budi bicara SME Corp. Malaysia.
- ii. Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang dicadangkan perlu berasaskan:

- a) **Tema : Transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Inovasi bagi Mencapai Kejayaan di Pasaran Serantau dan Global.**
- b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia.
- c) Melambangkan imej Malaysia.
- iii. Menyediakan reka bentuk setiap muka surat.
- iv. Menyediakan Konsep Kreatif, *Typesetting*, Reka Bentuk Dalaman bagi Setiap Muka Surat yang meliputi Isi Kandungan (*Content*), Pembahagi Topik / Bab (*Separators*), Graf (*Graphs*), Diagram (*Diagrams*), Carta (*Charts*), Jadual (*Tables*), Gambar (*Photos*), Imej (*Images*) dan sebagainya.
- v. Menyediakan Graf yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz Graf haruslah bersesuaian iaitu tidak terlalu menonjol atau besar atau terlalu kecil.

2. Spesifikasi Buku:

- i. Kertas untuk Kulit Buku (*Book Cover*) : Dicadangkan oleh Pembekal.
(4 Warna / 4-Colour)
- ii. Kertas untuk Halaman Dalam Buku (*Inner Pages*) : Dicadangkan oleh Pembekal.
- iii. Ukuran Buku : 20.3cm x 25.5cm (saiz tutup)
40.6cm (saiz buka)
Flip Page (selepas Kulit Depan / *Front Cover*) :
8.5cm x 25.5 cm
- iv. Cetakan : 4 Warna / 4-Colour (Kulit Buku dan Halaman Dalam Buku)
- v. Bilangan Muka Surat : 160 - 250 muka surat
(tidak termasuk Kulit Buku / *Book Cover*)
- vi. Jilid : Jahit Benang + Gam
- vii. Jumlah Cetakan : 650 naskah
- viii. Kemasan : Dicadangkan oleh Pembekal.
- ix. Pelekat (*Sticker*) "No. Statut" untuk Buku : Saiz - 20.3cm x 5cm
Kuantiti - 180 keping
- x. Pelekat (*Sticker*) "Lampiran" untuk Buku : Saiz - 5cm x 1cm
Kuantiti - 180 keping
- xi. Pelekat (*Sticker*) "Embargo" untuk Buku : Saiz - 5cm x 1cm
Kuantiti - 180 keping
- xii. Pelekat (*Sticker*) "No. Statut" untuk CD-ROM : Saiz - 12.3cm x 5cm
Kuantiti - 350 keping
- xiii. Teks untuk Pelekat (*Sticker*) "No. Statut" : Akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia

kepada Pembekal.

3. Spesifikasi CD-Rom:

- i. Jumlah : 650 keping
- ii. Saiz : 700 mb
- iii. Menyediakan Bekas Simpanan (*Case*) CD-ROM berserta Kertas Kulit Bercetak (*Printed Cover Paper*).

4. Gambar, Imej dari *Image Bank* dan Ilustrasi *Vector*:

- i. Pembekal perlu menyediakan jurugambar profesional bagi tujuan sesi fotografi Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan SME Corp. Malaysia, serta gambar-gambar berkaitan untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan 2014.
- ii. Gambar-gambar perlu disediakan oleh Pembekal bagi setiap bahagian dan muka surat. Jumlah gambar dianggarkan sebanyak 150 keping (termasuk gambar Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan yang diambil dalam sesi fotografi khas).
- iii. Pembekal boleh mengambil gambar atau mendapatkannya daripada personaliti, PKS atau agensi yang ditemubual.
- iv. SME Corp. Malaysia hanya akan menyediakan gambar-gambar program dan aktiviti organisasi yang terdapat di dalam simpanannya sahaja.
- v. Sekiranya SME Corp. Malaysia memerlukan penggunaan imej daripada *image bank* atau ilustrasi *vector*, kos penggunaan imej dan ilustrasi *vector* tersebut adalah ditanggung oleh Pembekal.

5. *Visual Mock-up*:

Pembekal adalah dikehendaki bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Menyediakan *Visual Mock-up* yang akan disemak oleh SME Corp. Malaysia.
- ii. Menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) salinan *Visual Mock-up* Laporan Tahunan 2014 bagi tujuan semakan sebelum proses mencetak.
- iii. Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan dan data-data pada graf / diagram / carta / jadual dan sebagainya.
- iv. Menyediakan Pruf Warna / *Colour Proof* (sekurang-kurangnya 20 muka surat) yang perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. Pruf Warna perlu dibuat menggunakan cetakan dari filem.

- v. SME Corp. Malaysia berhak menolak Pruf Warna yang dirasakan tidak berkualiti.
- vi. Menyedia dan memastikan filem untuk Pruf Warna disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula jika perlu.
- vii. Draf Akhir (*Final Artwork*) Laporan Tahunan 2014 perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.
- viii. Draf Akhir dalam bentuk softcopy (dalam format PDF dan Adobe InDesign) perlu diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.

6. Proses Semakan dan Pembedulan:

Pembekal adalah dikehendaki menjalankan proses semakan dan pembedulan di SME Corp. Malaysia.

II. Kerja-kerja Kawalan Kualiti dan Pembekalan

1. Selain melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan visual, Pembekal perlu memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Pembekal perlu melantik seorang kakitangan yang akan bertanggungjawab mengenai Kawalan Kualiti (*Quality Control*).
 - ii. Pembekal perlu menyerahkan Draf Akhir (*Final Artwork*) sebelum Pruf Warna (*Colour Proof*) dibuat.

III. Kerja-kerja Penulisan Kandungan Dwi-Bahasa - Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, Copywriting, Baca Pruf (Proofreading) dan Penyuntingan

1. Selain melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan visual, Pembekal perlu memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Membuat Penulisan dan *Copywriting* dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi kandungan Laporan Tahunan 2014 berasaskan:
 - a) Tema yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia:

Transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Inovasi bagi Mencapai Kejayaan di Pasaran Serantau dan Global.
 - b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia.
 - c) Melambangkan imej Malaysia.
 - ii. Berurusan dengan setiap Bahagian atau Unit yang berkaitan di SME Corp. Malaysia bagi menyelaraskan penulisan kandungan Laporan Tahunan 2014.
 - iii. Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan dan data pada graf / diagram / carta / jadual dan sebagainya.

- iv. Pihak SME Corp. Malaysia akan menolak keluaran yang mempunyai kesalahan disebabkan kerja-kerja Baca Pruf (*Proofreading*) yang tidak sempurna.
- v. Pembekal perlu mengenal pasti seorang kakitangan yang akan bertanggungjawab mengenai Kawalan Kualiti (*Quality Control*).
- vi. Pembekal perlu menyerahkan Draf Berwarna (*Coloured Draft*) dalam proses penyuntingan Laporan Tahunan 2014.

2. Penulis

- i. Kelayakan Pendidikan:
Penulis hendaklah mempunyai Ijazah Komunikasi Massa dengan pengkhususan dalam bidang Kewartawanan atau yang setaraf dengannya.
- ii. Pengalaman:
 - a. Mempunyai pengalaman menulis sekurang-kurangnya selama 10 tahun.
 - b. Mempunyai pengalaman bertugas sebagai Editor atau Penulis bagi majalah atau surat khabar.

3. Pereka Grafik

- i. Kelayakan Pendidikan:
Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Diploma *Art & Design (Graphic Design / Visual Communication)* dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya;
- ii. Pengalaman:
 - a. Mempunyai pengalaman membuat reka bentuk grafik sekurang-kurangnya selama 10 tahun.
 - b. Mempunyai pengalaman mereka bentuk grafik sekurang-kurangnya untuk 10 penerbitan.
 - c. Syarikat mempunyai studio yang lengkap dengan kemudahan untuk membuat reka bentuk grafik.

4. Percetakan dan Pembekalan

- i. Mencetak "Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014" sebanyak 650 naskah dan membekalkan 650 salinan *soft copy* dalam bentuk CD-ROM.
- ii. Menyerah bahan terbitan yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati waktu penghantaran.
- iii. Menyerahkan dua (2) salinan *softcopy (FINAL ARTWORK)* dalam CD-ROM dalam format PDF dan Adobe InDesign untuk Laporan Tahunan 2014 dan Kertas Kulit

CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia.

- iv. Menyerahkan dua (2) salinan Salinan Induk (*Master Copy*) (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) (*FINAL ARTWORK*) untuk Laporan Tahunan 2014 dan Kertas Kulit CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia.
- v. Kebolehan untuk mencetak Laporan Tahunan 2014 dalam jangkamasa lima (5) hari selepas mendapat kelulusan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia.
- vi. Segala reka bentuk grafik dan percetakan yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan ulangan dan penerbitan semula sebarang imej dan maklumat di dalam Laporan Tahunan 2014 oleh mana-mana pihak lain tidak dibenarkan tanpa persetujuan SME Corp. Malaysia.
- vii. Penghantaran sebanyak 650 naskah dan 650 salinan CD-ROM perlu dibuat dalam jangkamasa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Penghantaran lewat akan dikenakan caj mengikut formula yang ditetapkan.

5. Kelulusan Draf Akhir

Draf Akhir (*Final Artwork*) Laporan Tahunan 2014 perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum dicetak.

B. SYARAT-SYARAT

- I. Pembekal perlulah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
 1. Mempunyai status **Syarikat Bertaraf Bumiputera** dan **berdaftar dengan Kementerian Kewangan**.
 2. Mempunyai kod bidang yang bersesuaian seperti berikut :
221601
Menyertakan sijil-sijil berkenaan yang sah sebagai bukti.
 3. Mengemukakan Profail Syarikat.
 4. Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga:
 - i. Sekurang-kurangnya lima (5) cadangan reka bentuk (*proposed designs*), berasaskan **Tema** yang ditetapkan, dalam bentuk *Visual Mock-up* kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a. Reka bentuk Kulit Depan (*Front Cover*).
 - b. Reka bentuk Kulit Belakang (*Back Cover*).
 - c. Reka bentuk Pembahagi Topik / Bab (*Separators*).
 - d. Reka bentuk Halaman Dalam Buku (*Inner Pages*).
 - e. Reka bentuk Halaman Tengah (*Centre Spread*) yang unik dan berdasarkan Konsep Kreatif.

- f. Reka bentuk Graf, Diagram, Carta dan Jadual.
 - ii. Contoh kertas dan contoh fail PDF yang dicadangkan.
 - iii. Contoh laporan / majalah yang pernah diterbitkan oleh Pembekal.
5. Pemilihan Pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan. Hanya Pembekal yang berjaya sahaja akan dihubungi.
 6. Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada Pembekal pada bila-bila masa sekiranya:
 - i. Tidak mematuhi Jadual Pengeluaran yang ditetapkan;
 - ii. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - iii. Tidak membekalkan bahan mengikut dalam Spesifikasi Kerja. Contoh: Jenis kertas.
 - iv. Lain-lain perkara yang diistilahkan sebagai “melanggari syarat”.
 7. Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Invois daripada Pembekal.
 8. Pembekal perlu memberikan **Kos bagi Menerbit dan Membekal Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2014** secara terperinci mengikut pecahan yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 2** dan melengkapkan **Jadual Pematuhan** di **LAMPIRAN 3**. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.

KOS BAGI MENERBIT DAN MEMBEKAL
"LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2014"

Bil	Perkara	Keluaran 160 Muka Surat (RM)	Keluaran 180 Muka Surat (RM)	Keluaran 200 Muka Surat (RM)	Keluaran 250 Muka Surat (RM)
1.	<p>Konsep Kreatif, Rekabentuk, <i>Typesetting</i> dan Percetakan <i>Artwork</i></p> <p>a) Konsep Kreatif dan Reka Bentuk (berasaskan Tema yang ditetapkan)</p> <p>b) <i>Finished Artwork</i></p> <p>c) Pisah Warna Filem dan Pruf Warna</p> <p>d) Percetakan <i>Artwork</i></p> <p>e) Penyediaan <i>Visual Mock-up</i></p> <p>Percetakan Buku -</p> <p>a) Jumlah : 650 Naskah Saiz Tutup : 20.3cm x 25.5cm Saiz Buka : 40.6cm <i>Flip Page</i> (selepas Kulit Depan / <i>Front Cover</i>) : 8.5cm x 25.5 cm</p> <p>b) 4 Warna / 4-Colour (Kulit & Halaman Dalam)</p> <p>c) Jenis Kertas :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kulit : Dicadangkan oleh Pembekal • Teks : Dicadangkan oleh Pembekal 	<p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p>	<p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p>	<p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p>	<p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p> <p>RM</p>

Bil	Perkara	Keluaran 160 Muka Surat (RM)	Keluaran 180 Muka Surat (RM)	Keluaran 200 Muka Surat (RM)	Keluaran 250 Muka Surat (RM)
	d) Kemasan : Dicadangkan oleh Pembekal	RM	RM	RM	RM
	e) Jilid : Jahit Benang + Gam	RM	RM	RM	RM
	f) Pelekat (<i>Sticker</i>) "Nombor Statut" (180 keping) untuk Buku <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 20.3cm x 5cm • Hitam / Putih : Untuk ditampal pada Buku • Teks : Akan dibekalkan kepada Pembekal 	RM	RM	RM	RM
	g) Pelekat (<i>Sticker</i>) "Lampiran" (180 keping) & "Embargo" (180 keping) untuk Buku <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 5cm x 1cm Hitam / Putih : Untuk ditampal pada buku	RM	RM	RM	RM
	h) Pelekat (<i>Sticker</i>) "Nombor Statut" (350 keping) untuk CD-ROM <ul style="list-style-type: none"> • Saiz : 12.3cm x 5cm • Hitam / Putih : Untuk ditampal pada CD-ROM • Teks : Akan dibekalkan kepada Pembekal 	RM	RM	RM	RM

Bil	Perkara	Keluaran 160 Muka Surat (RM)	Keluaran 180 Muka Surat (RM)	Keluaran 200 Muka Surat (RM)	Keluaran 250 Muka Surat (RM)
	Membekal Softcopy (CD-ROM) a) Jumlah : 650 keping b) Saiz : 700 mb c) Bekas Simpanan (Case) CD-ROM berserta Kertas Kulit Bercetak (Printed Cover Paper)	RM	RM	RM	RM
2.	Kerja-kerja Penulisan Kandungan Dwi-Bahasa - Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (berasaskan Tema yang ditetapkan), Copywriting, Baca Pruf (Proofreading) dan Penyuntingan	RM	RM	RM	RM
3.	Gambar, Imej dari Image Bank dan Ilustrasi Vector a) Sesi fotografi Ahli Perbadanan dan Pengurusan Kanan b) Gambar berkaitan PKS b) Imej dari Image bank c) Ilustrasi Vector	RM	RM	RM	RM
4.	Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) @6%	RM	RM	RM	RM
	JUMLAH	RM	RM	RM	RM

Tanda tangan :

Nama :

Cop Syarikat :

JADUAL PEMATUHAN

(Pembekal dikehendaki meletakkan tanda ✓ di kolom kosong bagi memastikan pematuhan skop kerja serta syarat-syarat yang dikenakan).

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN
A	PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK	
A1	Kulit Depan: Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka bentuk kulit buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku. Logo SME Corp. Malaysia hendaklah di paparkan di muka depan buku.	
A2	Kulit Belakang: Logo SME Corp. Malaysia hendaklah dipaparkan di kulit belakang buku.	
A3	Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang dicadangkan perlu berasaskan: a) Tema : Transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Inovasi bagi Mencapai Kejayaan di Pasaran Serantau dan Global. b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia. c) Melambangkan imej Malaysia.	
A4	Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk menarik (dari segi susunan tataletak / <i>layout</i> , penggunaan warna, ruang dan sebagainya).	
B	KERJA-KERJA PENULISAN KANDUNGAN LAPORAN	
B1	Penulisan kandungan dalam Dwi-Bahasa - Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeri berasaskan: a) Tema : Transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Inovasi bagi Mencapai Kejayaan di Pasaran Serantau dan Global. b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia. c) Melambangkan imej Malaysia.	
B2	<i>Copywriting</i>	
B3	Baca Pruf (<i>Proofreading</i>)	
B4	Penyuntingan	
C	KERJA-KERJA KAWALAN KUALITI	
C1	Menyemak dan memastikan tiada kesalahan ejaan dan data pada graf / diagram / carta / jadual dan sebagainya.	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN
C2	Menyediakan Draf Berwarna (<i>Coloured Draft</i>) untuk kelulusan sebelum Pruf Warna (<i>Colour Proof</i>).	
C3	Menyediakan Pruf Warna (<i>Colour Proof</i>) untuk persetujuan SME Corp. Malaysia sebelum cetakan dibuat.	
D	SPESIFIKASI BUKU	
D1	Kertas : Kulit Buku (<i>Book Cover</i>) : <ul style="list-style-type: none"> • 4 Warna / 4-Colour • Kertas dicadangkan oleh Pembekal Halaman Dalam Buku (<i>Inner Pages</i>) : <ul style="list-style-type: none"> • Kertas dicadangkan oleh Pembekal 	
D2	Ukuran : <ul style="list-style-type: none"> • 20.3cm x 25.5cm (saiz tutup) • 40.6cm (saiz buka) • <i>Flip Page</i> (selepas Kulit Depan / <i>Front Cover</i>) : 8.5cm x 25.5 cm 	
D3	Cetakan : <ul style="list-style-type: none"> • 4 Warna / 4-Colour 	
D4	Jilid : <ul style="list-style-type: none"> • Jahit Benang + Gam 	
D5	Bilangan Muka Surat : <ul style="list-style-type: none"> • 160 - 250 muka surat 	
E	SPESIFIKASI CD-ROM	
E1	Jumlah : <ul style="list-style-type: none"> • 650 keping 	
E2	Saiz : <ul style="list-style-type: none"> • 700 mb 	
E3	Menyediakan Bekas Simpanan (<i>Case</i>) CD-ROM berserta Kertas Kulit Bercetak (<i>Printed Cover Paper</i>).	
F	RANGKA KERJA PENERBITAN	
G	VISUAL MOCK-UP	
H	PEMBEKALAN	
H1	Buku : 650 naskah	
H2	CD-ROM : 650 keping	
H3	Pelekat (<i>Sticker</i>) untuk Buku : <ul style="list-style-type: none"> • "Nombor Statut" (180 keping) 	

BIL.	BUTIRAN	PEMATUHAN
	<ul style="list-style-type: none"> • “Lampiran” (180 keping) • “Embargo” (180 keping) 	
H4	Pelekat (<i>Sticker</i>) untuk CD-ROM : <ul style="list-style-type: none"> • “Nombor Statut” (350 keping) 	
H5	<ul style="list-style-type: none"> • Penghantaran sebanyak 650 naskah dan 650 salinan CD-ROM perlu dibuat dalam tempoh atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. • SME Corp. Malaysia akan mengenakan caj ke atas penghantaran lewat daripada tempoh atau tarikh yang dipersetujui berdasarkan formula berikut: Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan (LAD) = $\frac{\text{Kadar Pinjaman Asas (BLR)}}{100} \times \frac{\text{Kos Projek}}{365}$ (tertakluk kepada jumlah minima RM100 sehari) 	
H6	<ul style="list-style-type: none"> • Menyerahkan dua (2) salinan <i>softcopy (FINAL ARTWORK)</i> dalam CD-ROM dalam format PDF dan Adobe InDesign untuk Laporan Tahunan 2014 dan Kertas Kulit CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia. • Menyerahkan dua (2) salinan Salinan Induk (<i>Master Copy</i>) (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem) (<i>FINAL ARTWORK</i>) untuk Laporan Tahunan 2014 dan Kertas Kulit CD-ROM kepada SME Corp. Malaysia. 	

Tanda tangan :

Nama :

Cop Syarikat :